

Seminar Mini Kearifan Tempatan Motif Sabah Arit Etnik Lundayeh

Frank Dawat Yusia,
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah
IPG Kampus Keningau, Sabah
3 November 2022

A. PENGENALAN TENTANG ETNIK LUNDAYEH

Pengenalan tentang etnik Lundayeh dibuat berkisar tentang asal-usul, status dan identiti etnik Lundayeh sehingga menjadi sebuah etnik label iaitu yang dikenali dan dipanggil dengan nama LUNDAYEH. Satu label yang diterima umum merujuk kepada salah satu sub etnik yang ada di Sabah.



Rajah 1.1: Gambar ibu dan anak etnik Lundayeh dengan memakai baju tradisi di Long Pasia
Sumber: Kajian lapangan, Mei 2020¹

¹ Geran FRGS/1/2018/WAB06/UMS/02/1

Frank Dawat Yusia, Kavitha Ganesan, Jane Wong Kon Ling dan Anantha Raman Govindasamy (2022), menyebutkan Lundayeh merupakan nama yang diberikan kepada salah satu suku kaum peribumi di Sabah. Lundayeh merupakan salah satu daripada 35 etnik yang terdapat di Negeri Sabah yang dikenali sebagai Dayak di Indonesia dan Lun Bawang di Sarawak dan Brunei. Bilangan penduduk etnik ini dianggarkan seramai 9,000 hingga 10,000 orang dan majoriti daripada mereka menetap di kawasan pedalaman Negeri Sabah iaitu di Daerah Sipitang, Daerah Tenom dan Keningau selain itu, terdapat juga sebahagian kecil menetap berselerak di beberapa daerah-daerah lain seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Istilah Lundayeh telah digunakan sejak berkurun lamanya, dan telah mengalami perubahan baik dari segi ejaan dan sebutan terutamanya oleh penulis barat, ahli-ahli pengkaji sains sosial dan oleh etnik-etnik lain. Antaranya ialah, *Lun Dayeh*, *Lun Daye*, *Lun Dayah*, *Lun Dayoh*, *Lun Daya*, *Lun Lod*, *Lun Nan Ba'*, *Murut Lun Daya*, *Dayak* dan *Lun Bawang*. Namun, menurut Hoare, (2002) istilah Lundayeh yang dipilih merupakan "*ethnic self-referrent*" dan bukan diberikan oleh orang luar.

Pada tahun 1970-an, nama Lundayeh telah sehati dan diterima oleh masyarakat sebagai salah satu nama etnik bumiputera Anak Negeri yang ada di Sabah. Nama yang pada asalnya dieja dalam dua perkataan "Lun Dayeh" akhirnya diubah menjadi satu perkataan, iaitu "Lundayeh" yang digunapakai sehingga kini. Pada masa kini, majoriti etnik Lundayeh menetap di Daerah, Sipitang, Tenom, Keningau dan Beaufort, dan sebahagian kecil berselerak di daerah-daerah lain seluruh sabah.

S.M.D Robert (2008) pula menyatakan, suku kaum Lundayeh kurang dikenali kerana ramai menganggap Lundayeh adalah Murut. Tidak hairanlah muncul pelbagai sebutan seperti "Lun Dayu", "Lun Daya", "Lan Dayu", "Lun Daye", "Lun Dayoh" dan sebagainya yang

merujuk kepada suku kaum Lundayeh. Dari segi bunyi, Lundayeh disebut [lundayəh]. Suku kaum Lundayeh dikenali juga dengan nama Lun Bawang (di Sarawak dan Brunei Darussalam) yang merupakan penduduk etnik peribumi yang terawal menduduki Kepulauan Borneo.

Pada tahun-tahun sebelum 1960, suku kaum Lundayeh atau Lun Bawang dilabelkan dengan nama Murut. Seperti yang dinyatakan beberapa penulis awal seperti Pollard (1933; 1935), Southwell (1949), Crain (1974; 1978) dan Deegan (1973). Menurut Prentice, D.J (1965), istilah Murut banyak menimbulkan kekeliruan, kerana ada pendapat yang menyatakan bahawa, di Pulau Borneo terdapat dua kumpulan orang Murut. Satu kumpulan bernama Murut Sarawak yang dikenali sebagai Lun Bawang, yang tinggal di Sarawak dan dikenal sebagai Lundayeh di Sabah, manakala satu kumpulan lagi digelar Murut Sabah dan dikenali sebagai Tagal di Sarawak.

G.C Wooley (1922) menyatakan, sama seperti Murut, nama Lundayeh bukanlah nama yang diciptakan oleh golongan penutur ini sendiri tetapi nama yang diberikan oleh penduduk yang tinggal di persisiran pantai di Sabah atau Sarawak untuk merujuk kepada kelompok yang mendiami kawasan bukit dan pedalaman Negeri Sabah. Misalnya, Lun Bawang dinamakan atau merujuk kepada mereka yang menetap di hulu sungai termasuk di kawasan pergunungan sebagai "Lun Dayeh" dan "Lun Lod" kepada mereka yang mendiami kawasan rendah yang berhampiran dengan laut. Demikian pula "Lun Nan Ba" merujuk kepada mereka yang tinggal dan mengusahakan sawah padi dan "Lun Puneng Mengalong" dilabelkan kepada kelompok yang tinggal di sepanjang Sungai Mengalong. Jadi, istilah "Dayeh" dan "Lod" adalah berkaitan dengan sungai. "Dayeh" pada asalnya bermaksud hulu sungai manakala Lod bermaksud hilir sungai. Apabila "Lun" yang bermakna "orang" digunakan seperti "Lun Dayeh", yang bermaksud orang yang tinggal di kawasan hulu sungai atau kawasan pergunungan. Lun Bawang pula dikaitkan dengan kelompok yang tinggal menetap di suatu tempat. Mereka tidak lagi berpindah-randah dari satu kawasan ke kawasan yang baru seperti amalan sebelum ini di

mana orang Lundayeh berpindah-randah mengusahakan padi huma. Kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Crain (1974; 1978) bahawa, label Lun Dayeh lebih merujuk kepada orang yang tinggal di kawasan hulu Sungai Padas dengan Mengalong di Sabah.

Bala (1993), menyatakan label Lundayeh pada asalnya muncul daripada satu pertikaian klasifikasi Murut yang digunakan di Sabah dan Sarawak. Di Sabah, istilah itu dirujuk kepada suku-suku kaum seperti Timogun, Nabai, Baukon, Paluan, Sumambuq, Alumbis dan Tagal atau Tagol (Idahan Murut). Manakala di Sarawak, label ini merujuk kepada Lun Bawang atau Tagal. Di samping pendeskripsian etnik Murut oleh Prentice D.J., ditemui juga identifikasi lain untuk merujuk etnik yang sama. Menurut Langub dalam Ipoi Datan (1989:143), *Murut is used by outsiders as an ethnic term of reference for the people who consider themselves as Lun Bawang. However, the Lun Bawang use several other labels such as Lun Dayeh, Lun Lod, Lun Ba, Lun Tana Luun and Lun Bawang as terms of self-reference.*

Terdapat dua persamaan kod rujukan etnik ini berdasarkan kajian Ipoi Datan dan Crain (1974) iaitu etnik yang disebut Lun Bawang dan Lun Dayeh. Crain yang memetik kajian Prentice D.J. dalam Ipoi Datan (1989:143) berhubung dengan identifikasi etnik ini di Sabah telah menyebut bahawa: *"Murut" is used by outsiders to refer to a varied assortment of mountain peoples in northern Sarawak and the interior district of Sabah. In Sabah, "Murut" is used as an ethnic term of reference for groups known as Timungon, Nabay, Baukan, Paluan, Sumambuq and Alumbis (Prentice 1972) and in Sarawak the people who call themselves Lun Bawang and sometimes Lun Dayeh.*

Jadi semua dapatan daripada kajian awal tentang asal-usul dan era kedatangan orang Lundayeh ke Kepulauan Borneo adalah berkaitan secara langsung dengan suku kaum Murut meskipun dari segi bahasa kedua-dua suku kaum peribumi Sabah ini tidak ada persamaan leksikal. Kajian Crain (1978) menyatakan berdasarkan *Department of Statistics, Malaysian Population Report*, (1980) bahawa Lun Dayeh atau Lun Bawang telah ditemui di Kepulauan

Borneo dengan populasi sekitar 25,000 di Kalimantan, 2,000 di Sabah, 300 atau lebih di Brunei dan 10,000 di Sarawak. Menurut Balang and Harrisson (1949), Harrisson (1959), Le Bar (1972), di Kalimantan Timur, suku kaum ini ditemui di sekitar Bahau dan Mentarang, Kemaloh, Paya dan Sungai Sesayap. Di Sabah, mereka tertumpu di kawasan Ulu Padas dan Mengalong. Di Brunei, mereka tertumpu di kawasan Temburong dan Pandaruan, manakala di Sarawak, suku kaum ini terdapat di Lawas dan Limbang dalam Bahagian Kelima.

Mat Zin Mat Kib (2003) pula menyatakan, kira-kira 15,000 hingga 20,000 tahun yang lalu telah berlaku penghijrahan penduduk dari bahagian selatan Negara China ke Asia Tenggara dan kawasan pesisirnya, termasuklah ke Pulau Borneo. Antara mereka yang berpindah dari benua Asia ini sejak 1,500 hingga 1,000 SM terdiri daripada kumpulan etnik yang pada hari ini disebut “Dusun” dan “Murut-Lundayeh”. Berdasarkan fakta inilah kelompok Dusun dan Murut-Lundayeh dikatakan dua kelompok yang paling awal berada di Sabah. Kelompok ini secara umumnya disebut Melayu Proto dalam Bellwood (1985) dan Collins (1998). Tom Harrison (1959) dan S.Runciman (1960) juga mengesahkan bahawa kaum ini adalah yang terawal menetap di kawasan pergunungan di tengah Kepulauan Borneo.

Berdasarkan bukti-bukti sejarah tersebut, maka Lundayeh dapat dikaitkan dengan rumpun bangsa Austronesia dari cabang Nusantara yang telah bertapak di Kalimantan. Asmah Omar (1983) yang juga mengelompokkan rumpun Austronesia kepada empat keluarga menyatakan, bahasa Lun Dayeh (Lundayeh) merupakan kelompok Indonesia pusat selain bahasa Melayu, beberapa bahasa di Sarawak (kecuali Bisaya), Kalimantan dan pulau-pulau Indonesia selainnya. Perkaitan bahasa Lundayeh dengan Austronesia dibuktikan dengan terdapatnya beberapa contoh kosa kata Austronesia Purba yang ada persamaan bunyi dengan kosa kata dalam Bahasa Lundayeh.

Dalam perbincangan mengenai sejarah penghijrahan etnik Lundayeh, Simeon et al., (2017) dan Bala et al. (2007) menyatakan penghijrahan etnik Lundayeh ke Sabah adalah dari Kalimantan Timur. Penghijrahan berlaku ke pelbagai tempat di Sabah bermula pada tahun 1950-an, iaitu dengan dua kumpulan pertama tiba dan kekal di hulu dan tengah Sungai Mengalong di kawasan Ranau. Kumpulan lain pulang ke Long Pasia dan Long Mio di hulu Sungai Padas di Daerah Sipitang. Padoch (1981) menyatakan penghijrahan etnik Lundayeh turut berlaku di bahagian pedalaman Kalimantan Timur iaitu ke kawasan Kemaloh, Paya, Sesayap dan Kerayan.

Setelah persempadanan di antara Malaysia, Brunei dan Kalimantan dibuat, suku kaum Lundayeh tidak lagi bebas bergerak seperti sebelumnya. Mereka yang menetap di dalam wilayah Sabah dan Sarawak menjadi penduduk Malaysia. Mereka yang berada di wilayah Brunei menjadi penduduk Brunei, manakala orang Lundayeh yang berada dalam wilayah Kalimantan menjadi penduduk Indonesia. Itu sebabnya ada orang Lundayeh di Kalimantan mempunyai keluarga di Malaysia ataupun di Brunei, orang Lundayeh di Malaysia ada ahli keluarga di Kalimantan dan di Brunei Darussalam, hanya kewarganegaraan sahaja berbeza.

Topp (2006) pula memberi penerangan tentang etnik ini dari perspektif yang berbeza. Menurutnya, dari cerita asal usul yang diperturunkan dari generasi ke generasi, etnik Lundayeh berasal daripada dua biji *terur eco* (telur matahari) yang telah jatuh di Pa' Kerorop, satu lembah di Pa' Kemaluh dalam Daerah Krayan, Kalimantan Utara. Impak dari kejatuhan telur itu menyebabkannya pecah. Dari telur itu keluarlah sosok manusia, dari telur pertama ialah seorang lelaki yang di panggil Rang Dungo dan dari telur kedua ialah seorang perempuan yang di panggil Terur Eco. Setelah membesar mereka menjadi suami isteri dan dari keturunan merekalah dikatakan terbentuk etnik Lundayeh yang ada sehingga pada masa kini.

Di sudut Selatan-Barat negeri Sabah, iaitu di persempadanan tiga segi antara Sabah, Sarawak dan Kalimantan Timur, terdapat suatu kawasan yang di kenali sebagai Ulu Padas. Di sinilah letaknya dua buah kampung, iaitu Long Mio dan Long Pa' Sia'. Iaitu penempatan awal bagi etnik Lundayeh di Sabah apabila mula berhijrah dari Kalimantan. Mereka mempunyai sejarah dan legenda yang sama dengan masyarakat Lundayeh yang tinggal di dataran tanah tinggi Krayan-Kelabit di Kalimantan Timur, Indonesia dan di daerah Lawas, Sarawak yang dikenali sebagai Lun Bawang. Legenda ini ialah mengenai seorang yang kuat, gagah perkasa dan mempunyai kuasa ghaib. Namanya ialah Upai Semaring yang mereka anggap sebagai seorang manusia luar biasa dan nenek moyang mereka. Legenda dan cerita suku Lundayeh ini sudah ada sebelum sempadan diwujudkan. Di mana keadaan waktu itu berbeza daripada hari ini.

Melalui cerita-cerita dan legenda-legenda itu, dapat dikaitkan dengan keadaan semulajadi dimana suku Lundayeh telah menetap di Kawasan Ulu Padas selama berabad-abad. Di kawasan Ulu Padas, terdapat banyak kesan-kesan sejarah berkaitan dengan suku Lundayeh yang masih kekal dan boleh dilihat pada hari ini. Kesan-kesan sejarah yang telah tersembunyi selama beberapa abad telah muncul, di mana kuburan lama, batu yang diukir dan tugu-tugu dalam bentuk buaya dan naga adalah tanda-tanda yang kelihatan di kawasan ini. Di samping itu kawasan ini juga dikelilingi dan diselubungi oleh hutan belantara yang satu-satunya kawasan yang paling kaya dengan berbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Ulu Padas dianggap sebagai satu kawasan asli yang unik dan kaya dengan warisan budaya.

Suku Lundayeh menganggap Ulu Padas sebagai satu daripada kawasan asal-usul mereka. Pada zaman silam mereka membina rumah panjang berdekatan dengan hutan, terutama sekali di hulu Sungai Matang dan anak-anak sungai yang mengalir ke dalamnya. Suku Lundayeh adalah suku yang sangat ditakuti kerana kegagahan, keberanian dan kekuatan mereka berperang dengan jiran-jiran mereka. Kehidupan mereka dikuasai oleh satu sistem

kepercayaan yang boleh dianggap karut, kerana mereka menghubungi dewa-dewa dan roh-roh melalui binatang-binatang seperti burung, ular dan lain-lain. Kepercayaan seperti ini sudah pupus setelah seluruh suku Lundayeh menerima agama Kristian sebagai agama mereka kira-kira seratus tahun yang lalu. Para penginjil telah datang ke Ulu Padas dalam tahun 1930an dan mengubah kepercayaan mereka. Semenjak itulah suku Lundayeh berhenti dari percaya kepada dewa-dewa dan kepercayaan-kepercayaan karut, dan mereka menaruh kepercayaan mereka sepenuhnya terhadap gereja dan ajaran Pastornya. Pada masa kini, Gereja Sidang Injil Borneo (SIB) yang dikenali dalam Bahasa Inggeris sebagai *Borneo Evangelical Mission (BEM)* memainkan peranan yang sangat besar dalam hidup mereka.

Ganang (1971) melalui artikel *Lundayeh luk nekukab mateh*, menyatakan, pada akhir tahun 70-an nama Lundayeh telah menjadi nama yang sehati dan diterima umum sebagai nama salah satu suku kaum peribumi di Sabah. Label Lundayeh ini telah diperjuangkan atas sebab perbezaan bahasa, menyedari tentang kelainan bahasa tersebut akhirnya kerajaan telah menerima dan mengiktiraf nama Lundayeh sebagai label untuk etnik Lundayeh. Meskipun ketua-ketua masyarakat Lun Bawang di Sarawak pernah mencadangkan agar nama Lundayeh diubah kepada Lun Bawang, pemimpin-pemimpin Lundayeh tetap mempertahankan dan memperjuangkan dengan mengekalkan nama itu sebagai identitinya di Sabah. Nama yang asalnya dalam dua perkataan LUN DAYEH akhirnya diubah menjadi satu perkataan LUNDAYEH.

Pada tahun 1987, satu pertubuhan Lundayeh ditubuhkan untuk mempersatukan orang Lundayeh melalui kegiatan kebudayaan, sukan dan kebajikan yang dinamakan Persatuan Lundayeh Sabah dengan singkatan PELSA. Selain itu, pada tahun 1990, satu lagi yang disebut Persatuan Kebudayaan Lundayeh (PKLS) turut ditubuhkan bagi tujuan maksud yang sama. Disamping itu, persatuan ini juga telah berusaha untuk memartabatkan kebudayaan dan identiti Lundayeh tidak hanya di dalam negara malah juga sampai ke luar negara. Kini, etnik minoriti

ini mulai dikenali dan mendapat perhatian dari pelbagai pihak sama ada pihak kerajaan ataupun badan-badan bukan kerajaan. Melalui persatuan ini juga telah mengiktiraf penggunaan perkataan “Lundayeh” sebagai nama rasmi suku kaum Lundayeh di Sabah.

B. KEPELBAGAIAN ASPEK KEHIDUPAN

Walaupun fokus kertas kerja ini adalah kepada SENI MOTIF etnik Lundayeh, tetapi kerana hubungkait kepelbagaian aspek kehidupan dengan seni motif, maka dimuatkan juga maklumat berkaitan dengan kepelbagaian aspek kehidupan etnik Lundayeh.

Joisin.R, Denis J.S dan Fiona.J (2016) penyunting buku bertajuk Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Lundayeh, sebuah buku yang memuatkan hasil kajian inventori budaya etnik Lundayeh, sebagai salah satu usaha untuk merekod dan mendokumentasikan aspek kehidupan etnik Lundayeh. Usaha ini dilakukan untuk memelihara, memulihara dan memartabatkan budaya etnik Lundayeh.

Inventori etnik Lundayeh tersebut adalah, pertama latar belakang, tempat dan sejarah etnik Lundayeh yang memaparkan tentang asal usul etnik tersebut dan juga kawasan penempatan mereka. Kedua ialah mengenai kegiatan sosioekonomi yang dijalankan oleh etnik Lundayeh pada zaman dahulu sehingga sekarang. Aspek ketiga ialah mengenai sastera lisan etnik Lundayeh yang dibahagikan kepada enam jenis dengan contoh iaitu puisi hiburan mantera, nyanyian untu menyambut kepulangan pahlawan yang membawa pulang kepada musuh, teka-teki, deklarasasi dan juga ratapan. Aspek keempat pula ialah mengenai pantang larang dan adat istiadat yang diamalkan sebelum etnik Lundayeh memeluk agama Kristian dan juga undang-undang yang digunakan di Mahkamah Anak Negeri pada masa ini.

Aspek kelima memaparkan tentang kepercayaan dan amalan tradisi yang diamalkan sebelum mereka memeluk agama Krsitian manakala aspek keenam merupakan aspek yang berkaitan denga muzik dan tarian tradisi yang diwarisi daripada zaman nenek moyang mereka.

Aspek ketujuh adalah berkaitan dengan pakaian tradisional dan aksesori yang dihasilkan dan digunakan oleh masyarakat Lundayeh. Aspek kelapan pula memaparkan tentang cara-cara memikat yang yang digunakan pada masa dahulu dan juga adat istiadat perkahwinan pada masa sekarang.

Aspek kesembilan adalah berkaitan dengan seni bina rumah etnik pada zaman dahulu, kraf tangan yang dihasilkan oleh etnik Lundayeh yang masih di guna pakai sehingga ke hari ini dan juga motif atau ukiran yang diwarisi daripada nenek moyang mereka. Aspek kesepuluh merupakan yang berkaitan dengan makanan tradisional, aspek ke sebelas merupakan aspek berkaitan dengan permainan dan sukan rakyat yang dimainkan oleh etnik Lundayeh sejak zaman dahulu lagi. Aspek kedua belas adalah berkaitan dengan beberapa perayaan dalam komuniti yang pernah dijalankan pada masa dahulu dan juga perayaan yang masih dijalankan sehingga sekarang.

Aspek ketigabelas memaparkan tentang perubahan tradisional etnik Lundayeh yang kebanyakannya menggunakan tumbuh-tumbuhan yang ada dipersekitaran mereka. Aspek keempat belas adalah berkaitan dengan strata sosial dan lapisan masyarakat yang memaparkan tentang gelaran-gelaran yang digunakan di dalam sesebuah keluarga dan juga institusi masyarakat. Aspek terakhir ialah aspek bahasa yang merangkumi fonetik dan juga fonologi Bahasa Lundayeh.

Dalam kajian tersebut, banyak maklumat tentang Lundayeh telah diperolehi dan dibentangkan untuk pengetahuan umum. Sebagai kesinambungan kepada usaha ini, penulisan kertas kerja ini dilakukan, namun khusus berkenaan dengan MOTIF atau *ARIT* Lundayeh seperti dijelaskan dalam *aspek kesembilan adalah berkaitan dengan seni bina rumah etnik pada zaman dahulu, kraf tangan yang dihasilkan oleh etnik Lundayeh yang masih di guna*

pakai sehingga ke hari ini dan juga motif atau ukiran yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.

C. MOTIF LUNDAYEH

Setiap etnik mempunyai keunikan seni dan budaya yang tersendiri yang diangkat sebagai simbol identiti mereka. Perkara ini dapat dilihat melalui hasil seni atau motif dan corak yang ada pada kraftangan mereka seperti anyaman, tekstil, manik, alat-alat senjata dan sebagainya.

Salmah Omar, Philip Lepun dan Ribka Alan (2016) menjelaskan motif adalah unsur tarikan melalui kerja tambahan seperti aktiviti pewarnaan dan pembentukan corak pada sesuatu produk. Untuk mendapatkan Motif atau corak yang lebih menarik dan harga yang mahal, unsur bahan dan kejelasan motif turut memainkan peranan. Antara motif yang biasa digunakan adalah gelombang, segiempat, diamond, bunga dan lain-lain. Bagi menunjukkan hierarki, pembentukan motif seperti binatang dan manusia dicampurkan dengan motif dan corak yang biasa digunakan. Mengikut kepercayaan atau amalan lama, motif dan corak kehitaman sesuai bagi golongan yang bujang dan corak yang tanpa warna sesuai bagi yang telah berkeluarga. Manakala yang bercorak hierarki kehidupan akan digunakan semasa musim perayaan.

Woolley (1929) dalam lawatannya ke beberapa kawasan pedalaman di Tenom, Keningau, Pensiangan, Sungai Padas Sipitang, Lawas, dan Sungai Trusan di Sarawak telah merekodkan beberapa motif daripada beberapa suku kaum di Sabah. Justeru, dia menyatakan adalah sukar untuk memisahkan motif dan corak berdasarkan suku kaum kerana terdapatnya persamaan antara kaum Dusun dan Murut serta Murut dan Dayak. Sebagai contoh, motif *tungok dalio (ketam)* juga boleh didapati pada corak anyaman kaum Dayak di Sarawak. Namun, penggunaan istilah untuk corak ini berbeza mengikut tempat ianya ditemui.

Penggunaan motif, bahan dan warna sesuatu produk itu biasanya disesuaikan dengan fungsinya kerana juga melambangkan asal usul sesuatu produk kraftangan tersebut. Misalnya;



Rajah 1.2: Gambar *uyut* (dalam bahasa Lundayeh) atau bakul yang mempunyai pelbagai kegunaan.

Uyut dihasilkan dengan menggunakan bahan seperti buluh atau bemban sebagai bahan asas anyaman. Berdasarkan motif pada *uyut* tersebut, terdapat perbezaan motif. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua produk bakul pelbagai guna ini dihasilkan oleh dua etnik dari daerah yang berlainan.




Rajah 1.3: Gambar *rong* (dalam bahasa Lundayeh) atau saraung, iaitu alat penutup atau pelindung kepala


Rong merupakan alat yang digunakan sebagai penutup atau pelindung kepala dari panas dan hujan ketika berada di ladang atau kebun. Produk A adalah yang dihasilkan oleh etnik Lundayeh. Manakala produk B dihasilkan oleh etnik Melanau dari Mukah. Walaupun produk dihasilkan untuk kegunaan yang sama, namun berdasarkan motif/ corak serta bahan pembuatan adalah berlainan. Indikasinya, bahawa produk tersebut dihasilkan oleh etnik yang berbeza.

Etnik Lundayeh mempunyai *arit* atau motif mereka yang tersendiri. Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Kementerian Pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar (2016), menjelaskan, *arit-arit* Lundayeh adalah berasaskan alam semula jadi, terutamanya tumbuhan yang terdapat di persekitran mereka. Antara reka bentuk *arit* Lundayeh yang dinyatakan ialah:

i. Arit Sinang



ii. Arit Belipid



iii. Arit kinawa




iv. Arit sunube



v. Arit sunalang



vi. Arit war pek



vii. Arit reku lifutung




viii. Arit fawat



ix. Arit belampang



x. Arit upai semaring



Menurut legenda etnik Lundayeh upai semaring merupakan seorang pahlawan yang gagah dan mempunyai tubuh yang besar. Beliau mampu melukis arit di atas batu hanya dengan

menggunakan jarinya sahaja. Arit yang dibuat pada batu masih wujud sehingga kini dan boleh dilihat di Pa' Matang (Sungai Matang) dan di beberapa tempat di Sarawak dan Krayan, Kalimantan.

King (1990: 129) sependapat dengan Wooley dengan menyatakan masyarakat menampilkan motif yang mempunyai persamaan khususnya motif daripada tumbuh-tumbuhan. Sebagai contoh, motif garis zigzag yang menyerupai imej ular sedang menyelar dan motif paku pakis adalah motif universal yang terdapat pada semua suku kaum di Borneo.

Alman dan Alman (1963) dalam buku *Handcraft in Sabah* ada mencatatkan motif dan corak kraf suku kaum Murut secara umum. Secara tuntasnya, motif-motif anyaman ini merupakan motif-motif yang telah diwarisi sejak turun temurun. Pandai kraf di lokasi kajian kadang-kadang memberikan satu interpretasi yang tidak seragam pada motif-motif yang sama. Istilah atau nama ini berbeza berdasarkan tempat yang dilawati walaupun mereka dalam keluarga Murut Tahol. Terdapat juga beberapa nama motif yang dipinjam daripada suku kaum Murut yang berada di luar kawasan kajian berdasarkan kesesuaian motif yang diperagakan.

Selain itu, menampilkan motif yang ikonik, menjurus kepada unsur anthropomorph, zoomorph, flora dan objek. Penampilan ikon dalam motif dan corak Murut dirujuk berdasarkan unsur-unsur yang dilihat, digunakan dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Terdapat juga motif yang bersifat intuitif yang dirujuk daripada tema atau perlakuan dalam aktiviti seperti tiningaulun yang berkonsepkan pasangan lelaki dan wanita berbaring setelah meminum tapai.

Pada bahagian tengah pula diletakkan simbol bulatan sebagai ikon tajau yang berisi air tapai. Kupasan motif-motif ini juga mendapati terdapatnya motif dominan yang sememangnya diwarisi sejak turun temurun, kedua, motif yang terbit daripada pengulangan motif dominan sama ada secara translasi imej atau pantulan imej yang kemudiannya menghasilkan rupa

negatif disebut motif sekunder. Kesimpulannya, motif-motif anyaman Murut dikategorikan sebagai motif yang dinamik dan boleh berkembang kepada motif-motif yang lain.

Walaupun motif Lundayeh mempunyai sedikit kelainan dari motif etnik Murut namun fungsi, sumber dan cara dihasilkan adalah sama. Seperti juga etnik-etnik yang lain, motif atau corak Lundayeh juga dapat dilihat pada pelbagai alat, barang, pakaian dan hasil seni kraftangan mereka seperti anyaman, tekstil, manik dan alat-alat senjata.

Bell Suut, Ismail Ibrahim, Zaimie Sahibial (2022) menjelaskan tentang *tinganuh*¹ Lun Bawang (Lundayeh). Anyaman merupakan objek yang sangat berguna dalam kehidupan seharian masyarakat Lun Bawang. Anyaman yang dihasilkan membolehkan banyak kerja seharian dapat dipermudahkan. Anyaman kebanyakannya dihasilkan oleh kaum wanita terutamanya pada masa lapang seperti selepas menuai padi pada masa dahulu. Terdapat dua bentuk anyaman iaitu anyaman dua dan tiga dimensi. Anyaman ini mempunyai saiz dan fungsi yang berlainan.

Anyaman yang dihasilkan oleh kaum wanita adalah seperti *ugam*², *buan*³, *reng*⁴, *tayen*⁵, *saging*⁶, *bekatan*⁷ dan *rinuh*⁸. Manakala anyaman kaum lelaki adalah seperti *bekang*⁹, *lasuk*¹⁰ dan *kelupit*¹¹. Bahan utama yang digunakan untuk anyaman ialah *Wei*¹², *kaber*¹³, *bulu*¹⁴, *bebelit*¹⁵ dan *sier*¹⁶. Dalam masyarakat Lun Bawang nama anyaman diberi berdasarkan bahan yang digunakan. Bahan-bahan asli ini masih digunakan namun bahan-bahan alternatif atau kontemporari seperti bahan plastik yang mudah diperolehi dipasaran juga digunakan. Trend ini bukan hanya berlaku dalam kalangan masyarakat Lun Bawang tetapi melibatkan semua kaum di Sarawak dan Malaysia amnya. Asal usul masyarakat Lun Bawang yang tinggal di pedalaman membolehkan mereka mendapat sumber yang pelbagai dari alam semula jadi.

Pada zaman dahulu kemahiran menganyam merupakan salah satu kriteria dalam memilih manantu yang baik. Seseorang wanita yang mahir menganyam lebih disukai oleh


keluarga kaum lelaki untuk dijadikan menantunya. Kriteria lain termasuk rajin, pandai memasak, membungkus nasi, *tupeh17 pade18* dan *tunap19 pade*. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab ibubapa untuk mengajar anak-anak mereka supaya mewarisi kemahiran-kemahiran yang mereka miliki seperti menganyam terutamanya kaum wanita. Kepercayaan ini menyumbang kepada amalan anyaman dalam kalangan masyarakat Lun Bawang.

Kini aktiviti menganyam semakin kurang mendapat sambutan. Pegiat anyaman kebanyakannya terdiri dari orang yang berumur dalam kalangan 50 ke 80 tahun. Oleh itu galakan harus dipergiatkan agar kesinambungan kemahiran menganyam yang diwarisi turun-temurun ini terus berkekalan. Anyaman terbahagi pada dua jenis iaitu yang berbentuk dua dan tiga dimensi. Anyaman yang berbentuk dua dimensi ialah seperti *ugam* atau tikar yang pelbagai saiz dan fungsi. Terdapat empat jenis *ugam*, *Ugam wei*, *Ugam Sier*, *Ugam Kaber*, dan *Ugam bebelit*. *Ugam* lazimnya terdapat pada ruang tamu, bilik tidur, dapur dan digunakan untuk menjemur padi. Anyaman yang mempunyai motif adalah *ugam sier*, *reng*, *tayen*, *saging* dan *rinuh* oleh itu hanya *ugam* yang mempunyai motif ini dikaji dengan mendalam. Kertas ini berfokus pada anyaman tikar masyarakat Lun Bawang yang mempunyai motifmotif yang unik yang perlu diterokai dari aspek formalistik, makna, jenis dan kategorinya.


Pada kajian motif tikar ini, terdapat beberapa jenis motif antaranya ialah *arit kiung20 balang21*, *arit buayeh22 lumi23*, *arit batek24 buayeh*, *arit imeng25*, *arit aud26*, *arit ngelayan27 uko28*, *arit siri29* dan *arit bulan rayeh30* dan *isut31*. Motif-motif ini diilhamkan dari alam semulajadi seperti zoomorph, kosmos, objek buatan manusia dan bentuk geometri.

Jadual 1.1: Analisis motif *kiung balang*.

Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
--------------------------	---------------------	---------------------	----------------------


<p>1. <i>Kiung Balang</i></p> 	<p>a. Jenis Kraf Motif ini terdapat pada anyaman tikar <i>sier</i>.</p> <p>b. Sumber ilham Harimau</p> <p>c. Bahan <i>Sier</i></p> <p>d. Kategori Zoomorph.</p>	<p>a. Unsur seni Bentuk motif dihasilkan menggunakan garisan nipis dan sederhana tebal.</p> <p>-warna asli <i>sier</i>, merah dan hijau</p> <p>b.Prinsip rekaan Berbentuk geometri, abstrak dan imbangan simetri</p> <p>c. Struktur Berpancar dan simetri</p>	<p>Dalam masyarakat Lun Bawang motif <i>kiung balang</i> merupakan simbol kekuatan dan keberanian. Oleh itu ramai kaum lelaki Lun Bawang diberi nama Balang. Dalam masyarakat Orang Ulu.</p> <p>Menurut Mashman.V (1989:219), motif harimau pada “<i>baby carriers</i>” dan <i>anting lelaki</i> kaum Kenyah dipercayai mempunyai kuasa spiritual.</p> <p>Menurut Jefferi Jalong (2001:18) Motif harimau menandakan kuasa dan keberanian. Juga menandakan kepimpinan dan keturunan golongan atasan (<i>ketau’</i>, <i>maren</i>).</p> <p>Menurut kepercayaan Orang Ulu harimau merupakan raja kepada segala haiwan yang ada di dalam hutan. Oleh yang demikian, <i>kalong</i> atau motif ini tidak boleh dipakai oleh golongan bawahan atau <i>payen</i>. Pemimpin Kelabit yang diberi nama Balang menggunakan peti mayat berbentuk harimau (<i>Lungun balang</i>)</p> <p>Menurut Haddon (1932:192) dalam Mashman menyatakan “<i>tiger effigies</i>” diletakkan di luar rumah panjang untuk menakutkan musuh.</p>
---	---	--	---

Jadual 1.2: Analisis motif *batek buayeh*.


Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>2. <i>Batek buayeh</i></p> 	<p>a. Jenis kraf Tikar <i>sier</i> dan tikar plastik</p> <p>b. Sumber ilham Perut buaya</p> <p>c. Bahan/ teknik <i>Sier</i> dan plastik</p> <p>d. Kategori Zoomorph</p>	<p>a. Unsur seni Garisian bengkok, berlapis 3 yang memanjang, garisan tebal, cerminan dan abstrak</p> <p>-warna asli bahan <i>sier</i>, merah dan hijau</p> <p>b. Prinsip rekaan Imbangan simetri dan</p>	<p>Motif <i>buayeh</i> merupakan motif yang digunakan sebagai simbol kemenangan dalam pertempuran memburu kepala pada masa dahulu. Pernyataan ini sependapat dengan kenyataan Ipoi Datan (2011:25) dan Yansen (2018:161). Menurut Ipoi, upacara ini diadakan untuk meraih sokongan dari pengikutnya serta mendapat nama (<i>lun mebala</i> atau <i>lun mesangit</i>) orang ternama atau orang disegani.</p> <p>Menurut Yansen (2018:159) dalam buku yang bertajuk “Dayak Lun Dayeh idi Lun Bawang” menceritakan tentang falsafah karakter buaya yang harus ada pada Dayak Lun Dayeh.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Buaya merupakan binatang yang tangkas dan berani. 2. Hidup pada dua alam. 3. Menggunakan seluruh badan sebagai

		kontra c. Struktur Susunan translasi dan cerminan	senjata seperti mulut, kaki, kulit dan ekor. 4. Memiliki kesetiaan yang sejati. Buaya hanya bersetubuh dengan satu buaya sahaja. Oleh itu buaya sangat berdentam. 5. Buaya memiliki sifat yang tenang dan nilai baik seperti berani, tenang, yakin dan setia
--	--	--	--

Jadual 1.3: Analisis motif *buayeh lumi*.


Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>3. Arit Buayeh lumi</p> 	<p>a. Jenis kraf Motif ini terdapat pada <i>ugam sier</i> dan plastik. b. Sumber ilham Buaya c. Bahan dan teknik <i>Sier</i> dan plastik d. Kategori Zoomorph.</p>	<p>a. Unsur seni Garis lurus dan melengkung. Bentuk abstrak, warna asli bahan <i>sier</i>, merah dan hijau b. Prinsip rekaan Abstrak, kontra c. Struktur Cerminan</p>	<p>Simbol pencapaian, penghormatan, perjanjian dan keramaian. <i>Lumi</i> merujuk kepada aksi binatang yang berpatah balik untuk menyerang semula musuhnya</p>

Jadual 1.4: Analisis motif bulan *rayeh* dan *isut*.


Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>4. Bulan rayeh</p>  <p><i>Bulan isut</i></p>	<p>a. Jenis Kraf Terdapat pada anyaman tikar <i>sier</i> b. Sumber ilham Bulan c. Bahan/teknik <i>Sier</i> /anyaman d. Kategori Kosmos</p>	<p>a. Unsur seni Bentuk geometri bulat. Garis sederhana besar yang bersambung membentuk bulat. Warna asli bahan <i>sier</i>, merah dan hijau. b. Prinsip rekaan</p>	<p><i>Bulan</i> merupakan simbol yang menjadi panduan kepada pelbagai aktiviti seharian masyarakat Lun Bawang seperti pertanian dan pemburuan. Dalam kegiatan pertanian bulan merupakan kaedah yang digunakan untuk menentukan musim menebas, membakar, menanam dan menuai padi. Dalam aktiviti memburu binatang biasanya dilakukan apabila musim bulan tidak terang.</p>

		Kepelbagaian dari aspek saiz c. Struktur Simetri	
--	--	---	--


Jadual 1.5: Analisis motif *gituen*.

Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>5. <i>Gituen</i></p> 	<p>a. Jenis kraf Tikar <i>sier</i> Bintang pecah 5 dan 8</p> <p>b. Sumber ilham Bintang</p> <p>c. Bahan dan teknik <i>Sier</i>/anyaman</p> <p>d. Kategori Kosmos</p>	<p>a. Unsur seni Garis sederhana tebal yang membentuk bintang pecah 8. Warna asli <i>sier</i>, merah dan hijau.</p> <p>b. Prinsip rekaan Kontra</p> <p>c. Struktur Translasi</p>	<p><i>Gituen</i> merupakan simbol yang dikaitkan dengan cuaca yang baik dan menunjukkan waktu kemarau. Oleh itu merupakan petunjuk dalam melaksanakan aktiviti membakar ladang padi bukit, menuba ikan, menjemur padi, membakar sawah padi. Bintang juga melambangkan terang dan sinar. Oleh itu ramai anak perempuan diberi nama <i>gituen</i> dalam masyarakat Lun Bawang.</p>


Jadual 1.6: Analisis motif *sawai wai*.

Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>5. <i>Sawai wai</i></p> 	<p>a. Jenis kraf Terdapat pada ugam <i>sier</i></p> <p>b. Sumber ilham <i>Wai</i></p> <p>c. Bahan /teknik <i>Sier</i>/anyaman</p> <p>d. Kategori Objek buatan manusia</p>	<p>a. Unsur seni Bentuk permata, warna hitam</p> <p>b. Prinsip rekaan Kontra dan imbalan simetri</p> <p>c. Struktur Cerminan</p>	<p>Merujuk pada aktiviti bertani di sawah melalui objek <i>wai</i> yang digunakan untuk menebuk lubang perahu.</p>

Jadual 1.7: Analisis motif *imeng*.



Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>6. <i>Imeng</i></p> 	<p>a. Jenis kraf Motif terdapat pada anyaman <i>sier</i> dan <i>kelupit</i></p> <p>b. Sumber ilham Segi empat/ geometri</p> <p>c. Bahan/teknik <i>Sier</i>, plastik, bemban/anyaman</p> <p>d. Kategori Geometri</p>	<p>a. Unsur seni Rupa segi empat sama. Motif diulang secara translasi.</p> <p>b. Prinsip rekaan Kontra</p> <p>c. Struktur Mempunyai unsurimbangan simetri</p>	<p>Menghasilkan corak petak sebagai garisan pemisah.</p>

Jadual 1.8: Analisis motif *aud*.

Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)
<p>8. <i>Aud</i></p> 	<p>a. Jenis kraf Tikar <i>sier</i></p> <p>b. Sumber ilham Diilhamkan dari objek penyangkut barang</p> <p>c. Bahan/teknik <i>Sier</i> dan bahan plastik/anyaman</p> <p>d. Kategori Objek buatan manusia</p>	<p>a. Unsur seni Garis lurus dan bentuk yang bengkok pada bahagian hujung.</p> <p>b. Prinsip rekaan Kontra</p> <p>c. Struktur Translasi dan pengulangan</p>	<p>Fungsi untuk melindungi kanak-kanak dari objek tajam dan menjaga barang yang berharga seperti manik dan kegunaan seharian seperti menebas rumput dan menggantung cerek di sawah.</p>

Jadual 1.9: Analisis motif *kukud uko*.

Nama dan ilustrasi motif	Primier (Deskripsi)	Sekunder (Analisis)	Makna (Interpretasi)

<p>9. Arit kukud uko</p>  	<p>a. Jenis kraf Terdapat pada anyaman tikar sier</p> <p>b. Sumber ilham Tapak kaki anjing</p> <p>c. Bahan/teknik Sier</p> <p>d. Kategori Zoomorph</p>	<p>a. Unsur seni Didasari dari bentuk tiga segi dalam bentuk pecah empat.</p> <p>b. Prinsip rekaan Imbangan semetri dan kontra</p> <p>c. Struktur Translasi</p>	<p>Motif <i>kukud uko</i> merupakan motif untuk mengingatkan jasa yang diberikan oleh anjing kepada tuannya. Masyarakat Lun Bawang memelihara anjing untuk memburu binatang, menjaga rumah dan melindungi mereka dari ancaman binatang semasa berada dihutan dan roh jahat.</p> <p>-Pantang larang Lun Bawang terhadap binatang Meechang Tuie (1995:42). Dilarang mentertawakan binatang, ini akan mendatangkan malapetaka (<i>asab</i>) yang berbentuk hujan batu, air bah atau ribut taufan atau rumah panjang mereka akan bertukar menjadi batu.</p> <p>-Menurut Marshman. V (1989:219). Orang Ulu mengangap motif anjing sebagai pelindung dari roh jahat. Motif anjing atau <i>aso</i> juga digunakan oleh Kayan, Kenyah, Kelabit dan Berawan.</p> <p>-Menurut Jeferi Jalong (2001:21) <i>kalong aso</i> (anjing) "...jika pada waktu malam kedengaran anjing menyalak dengan nada kok-kok kok-kok-kok, maksudnya ada pelawat atau tetamu yang datang. Sebaliknya jika salakan anjing eeer..... eeer..... eeer..... eeer.....eeer, maksudnya tanda isyarat kepada tuan rumah bahawa petanda buruk akan berlaku.</p>
--	---	--	--

Sebagai kesimpulan tikar masyarakat Lun Bawang mempunyai estetika yang digambarkan melalui rupa bentuk motif yang diilhamkan dari alam semula jadi, seperti phyllomorph, zoomorph, kosmos, geometri dan objek buatan manusia. Penghasilan motif juga menunjukkan aplikasi unsur-unsur seni seperti penggunaan pelbagai garisan, rupa bentuk dan warna. Unsur prinsip rekaan yang ketara ialah kebanyakan motif dihasilkan secara simetri,

translasi dan berulang. Motif-motif tikar juga membawa makna yang dikaitkan dengan kepercayaan dan amalan kehidupan masyarakat Lun Bawang. Terdapat 9 jenis motif yang digunakan dalam penghasilan motif tikar masyarakat Lun Bawang.



Rajah 1.4: Jenis motif pada tikar.

Mohamad Nur Hanif Hazman, Harozila ramli dan Tajul Shuhaizam said (2020) melakukan kajian tentang keindahan seni manik etnik Lun Bawang. Di dalam kajian ini,

keindahan seni manik Lun Bawang ini telah dibahagikan kepada beberapa bahagian antaranya ialah dari segi penggunaan bahan tanah liat, reka corak motif dan proses penghasilannya. Keistimewaan manik etnik ini dapat dilihat melalui olahan rekaan motif setiap manik yang dihasilkan. Setiap reka corak manik yang direka oleh etnik ini memiliki nama yang tersendiri sebagai contoh corak chevron, corak bengkok bengkok, corak potongan wajik dan sebagainya. Senario pemilihan motif dan reka corak seni manik Lun Bawang ini banyak dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan tumbuhan yang berada di sekeliling mereka. Penerokaan terhadap bahan-bahan dan proses penghasilan manik ini juga merujuk kepada kearifan lokal etnik ini dalam mengekalkan beberapa identiti etnik mereka agar seni manik Lun Bawang ini tidak sama sekali dengan seni manik etnik lain.

Manik seramik yang dihasilkan oleh Lun bawang ini asalnya daripada tanah liat yang melalui proses pembakaran. Tanah liat ini diambil dari sungai di kawasan Lawas, Sarawak kerana tanah liat ini merupakan tanah jenis Tanah Alluvial atau Tanah Endapan. Tanah Alluvial ialah sejenis tanah yang umumnya terdapat di sepanjang aliran sungai. Sifat tanah ini sangat dipengaruhi oleh material yang terkandung dalam sungai yang melaluinya. Tanah alluvial atau alluvium ini adalah tanah hasil pengikisan tebingan sungai yang diendap di dataran rendah. Ciri-ciri tanah alluvial ini adalah berwarna kelabu dan subur. Tanah ini sesuai untuk tanaman padi, tebu, kelapa, tembakau, dan buah-buahan. Dalam kajian ini juga motif merupakan tunjang utama dalam penghasilan kraf-kraf tradisional.

Motif ini menjadi dasar kepada penghasilan kraf manik di mana setiap manik yang dihasilkan diletakkan motif-motif yang menjadi ikon atau lambang sesebuah etnik itu. Begitu juga etnik Lun Bawang yang sememangnya menjadikan motif dan identiti Lun Bawang sebagai lambang pada hasil seni manik yang dihasilkan. Motif yang digunakan oleh Lun Bawang ini kebanyakan dipengaruhi oleh sumber alam seperti flora dan fauna. Bagi Lun Bawang istilah

motif dikenali sebagai “arit” yang membawa maksud motif. Hasil kajian ini mendapati beberapa jenis motif yang dihasilkan oleh etnik Lun Bawang di dalam penghasilan seni maniknya mempunyai nilai estetika dan keindahannya yang tersendiri.

Pecahan motif manik Lun Bawang ini terbahagi kepada beberapa kategori antaranya ialah motif berasaskan tumbuh-tumbuhan iaitu yang diadaptasi daripada pokok buluh kerana pokok buluh ini banyak ditemui di kawasan ini. Hasil dapatan mendapati bahawa antara motif yang berasaskan buluh ialah Motif Bamboo (**Arit Bulu**), Motif Bamboo bertemu (**Arit Bulu Nepapu**) dan juga Motif Rebuyung (**Rebuyung Arit Bulu**).


a. Motif Bamboo (Arit Bulu)



b. Motif Bamboo Bertemu (Arit Bulu Nepapu)



c. Motif Rebuyung (Rebuyung Arit Bulu)



Manakala, Lun Bawang juga memperkenalkan motif-motif manik mereka yang berunsurkan haiwan. Motif yang berunsurkan haiwan ini antaranya diadaptasi daripada motif burung tiung iaitu Motif Mata Burung Tiung (**Arit Mateh Siuk**) kerana di Sarawak burung ini sangat popular dan banyak ditemui di kawasan Lawas dan juga motif harimau iaitu Motif Mata Harimau (*Arit Mata Balang*) dan juga ramarama iaitu Motif Rama-Rama (**Arit Belepang**) merupakan motif yang sangat popular bagi etnik Lun Bawang ini. Kedua-dua motif ini banyak dijumpai pada manik di mana kebiasaannya ia di jadikan gelang atau rantai. Dan juga terdapat motif yang berunsurkan daripada tulang haiwan iaitu Motif Bau Tulang (**Bau Tulang Arit Bulu**).

a. Motif Mata Burung Tiung (Arit Mateh Siuk)




b. Motif Bau Tulang (Bau Tulang Arit Bulu)



c. Motif Rama-Rama (Arit Belepong)




d. Motif Mata Harimau (Arit Match Balang)



Selain itu juga, Lun Bawang juga menggunakan motif-motif yang berunsurkan simbol abjad seperti simbol S iaitu Motif Bentuk S Yang Disambung (**Arit Sarawak**) dan juga terdapat motif yang menggunakan bentuk seperti bentuk hati iaitu Motif Bentuk *Love* (**Arit Love**). Lun Bawang kebanyakan memvariasikan kepelbagaian motif agar manik yang dihasilkan unik dan menarik sebagai simbolik identiti mereka. Seterusnya, motif paling ketara menggambarkan identiti Lun Bawang ini adalah simbolik motif daripada topi mereka iaitu topi rong iaitu Motif Topi Rong (**Arit Rong**). Motif ini kebiasaannya dijumpai pada rantai dan juga gelang manik Lun Bawang

a. Bentuk S Yang Disambung (Arit Sarawak)



b. Motif Topi Rong (Arit Rong)



c. Motif Bentuk Love (Arit Love)



Selain itu juga, warna merupakan salah satu faktor penting dalam penghasilan manik Lun Bawang ini. Kebanyakan warna yang dipilih oleh Lun Bawang ini diadaptasi daripada sumber alam. Oleh itu, antara warna yang sering digunakan adalah warna kuning, jingga, merah, biru, hijau, hitam, putih dan biru gelap. Warna-warna ini sememangnya sudah menjadi perlambangan bagi etnik Lun Bawang ini kerana sesetengah etnik dapat membezakan seni manik etnik Lun Bawang ini dengan etnik lain melalui penggunaan warna yang digunakan oleh mereka. Secara tradisional dan mengikut turun-temurun warna identiti etnik ini adalah warna

kuning, merah, putih dan juga hitam yang terdapat pada topi atau pengikat kepala mereka yang dipanggil “pata bawa”.



Rajah 1.5: *Pata Baw*

Proses penghasilan manik Lun Bawang ini melalui beberapa proses iaitu proses pembakaran *Bisque*, proses *Glaze* dan juga pembakaran menggunakan teknik raku. Proses pembakaran *bisque* ini merupakan pembakaran suhu rendah di mana ia merupakan proses mengubah manik yang separa kering, menjadi manik yang padat, keras dan juga kuat. Pembakaran suhu rendah melibatkan suhu 900 darjah *celsius* selama 8 jam sehingga 9 jam. Pembakaran *bisque* ini merupakan tahap yang sangat penting kerana menjadikan manik separa kering kepada *bisque* dan istilah *bisque* ini merujuk kepada seramik yang telah dibakar pada kitaran suhu 700 hingga 1000 darjah *celsius*.

Pembakaran ini membuatkan manik Lun Bawang ini kuat, keras dan kedap air. Teknik *glaze* pada manik Lun Bawang ini berfungsi sebagai warna bertujuan untuk diwarnakan pada manik yang telah melalui pembakaran *bisque*. Proses *glazing* ini merupakan tahap yang menentukan ketimbulan corak dan warna pada manik sebelum proses pembakaran *glazing*. Manik yang telah melalui proses *bisque* dilapis dengan warna *glazing* melalui teknik celupan

dan dicorakkan dengan menggunakan lidi atau berus warna yang kecil. Fungsi glazing ini adalah untuk menambah keindahan dari segi persembahan idea reka corak pada permukaan manik Lun Bawang ini. Manik yang telah disaluti *glaze* ini akan disusun pada *stainless steel* kerana untuk menampung suhu pembakaran manik akhir pada paras suhu 1100 hingga 1250 darjah *celcius*.

Teknik raku ini merupakan teknik pembuatan *glaze* seramik yang menghasilkan kesan dan keunikan pada manik seramik disebabkan pengaruh pembakaran reduksi dalam sebuah bekas di mana ada sesetengah bekas diisi dengan habuk kayu, daun-daun kering dan sebagainya untuk menghasilkan kesan unik pada manik yang telah disapu *glaze*. Keunikan proses inilah menjadikan manik Lun Bawang ini sangat unik dan menjadi fenomena yang besar pengaruhnya di Lawas, Sarawak.

Syylvia Olviana, Sugandi, Sabiruddin (2019), melakukan kajian tentang ukiran yang turut mengandungi motif Lundayeh. Ukiran adalah kegiatan mengolah permukaan suatu objek trimatra dengan membuat perbezaan ketinggian dari permukaan tersebut sehingga menghasilkan sesuatu imaji. Mengukir dihubungkan pula dengan kegiatan memahat. Namun dua aktiviti ini berbeza, sebab memahat lebih bertujuan untuk menghasilkan benda tiga dimensi, misalnya patung dan di kain (batik). Makna ukiran memberi arti tentang kehidupan masyarakat Lundayeh pada zaman dahulu yang hidup di pedalaman menguasai hutan, sungai, dan daratan pada zaman itu. Lundayeh mempunyai beberapa motif ukiran seperti Ukiran *Arit Belifit* (Arit Efid), Ukiran *Arit Leting*, Ukiran *Arit Sebengkuli* dan Ukiran *Arit Linawa*.



Rajah 1.6: Ukiran Arit Belifit (Arit Efid).



Rajah 1.7: Ukiran Arit Leting.



Rajah 1.8: Ukiran Arit Sebengkuli.



Rajah 1.9: Ukiran Arit Linawa.

Makna yang terdapat pada ukiran Arit Linawa melambangkan suatu garis keturunan dari suku dayak Lundayeh dan melambangkan kekuatan seseorang yang disebut dengan *lun do* dari suku dayak lundayeh. Arit linawa mengisahkan satu pokok dasar yang disebut linawa arit, dan maknanya ibarat sebuah tumbuhan, Tidak semua masyarakat lundayeh yang tahu makna Ukiran Arit Linawa tersebut. hanya sebagian masyarakat yang memahami. Ukiran Arit Linawa melambangkan bentuk keindahan flora serta menandakan kekuatan seseorang. Ukiran Arit Linawa dapat di lihat pada baju adat tradisional etnik Lundayeh, Rumah Kebudayaan atau Adat, senjata mandau, perhiasan rumah dan lainnya.

D. KESIMPULAN

Kertas kerja ini meliputi perbincangan tentang asal-usul etnik Lundayeh dan pengenalan tentang motif Lundayeh yang dizahirkan melalui anyaman, manik dan ukiran. Warisan budaya nenek moyang seperti seni kraf tangan tidak kira etnik harus di kekalkan. Bagi etnik Lundayeh, kearifan lokal tersebut dikekalkan sehingga ke hari atau generasi pada masa kini. Pada masa kini, hasil kraftangan seperti anyaman, manik, tekstail dan sebagainya masih giat dilakukan dengan mengekalkan reka corak tradisi agara dapat mengekalkan identiti etnik Lundayeh.

Kini, proses penghasilan dan bahan yang digunakan pada masa dahulu dan kini mengalami perubahan seiring dengan perkembangan dan peredaran masa. Perubahan tersebut sudah pasti memberi nilai tambah kepada produk yang dihasilkan tanpa mengabaikan nilai estetika dan budaya yang ada pada produk tersebut. Malah hasilnya sangat diyakini dapat memberi pulangan dan manfaat yang lebih besar kepada sama ada kepada individu pembuat, etnik dan negara.

Harapan agar warisan budaya etnik Lundayeh ini terus dikembangkan dengan lebih giat agar menjadi kearifan lokal yang tidak akan lupus dan terus kekal turun-temurun.

E. RUJUKAN

Bell Suut, Ismail Ibrahim, Zaimie Sahibial (2022) Estetika dan Makna Motif anyaman ugam (Tikar) masyarakat Lun Bawang. KUPAS SENI 10, 43-51.

Bell Su'ut. (2014). Estetika "Bakad" etnik Lun Bawang Lawas, Sarawak: Satu kelansungan pendidikan informal. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Frank Dawat Yusia, Kavitha Ganesan, Jane Wong Kon Ling, Anantha Raman Govindasamy.(2022) Kosa Kata Arkaik dari Uyu Naso Anak di Long Pasia: Satu Kajian Keterancaman Bahasa Lundayeh .MANU (Jun) Bil.33(1),131-155,

Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam, Mohamad NurHanif Hazman.2019. The Beauty of Tritik Technique in Creating Batik-textile Pattern Designs. Journoul Of Advanced Research In Dynamical And Control System (JARDCS). Vol. 11, 05-Special Issue.

Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam, Mohamad Zaihidee Arshad.2019. Symbolism of 'Keleput' Art and Intellectual Value of Penan Heritage Craft in Sarawak. Journoul Of Advanced Research In Dynamical And Control System(JARDCS). Vol. 11, 05-Special Issue.

Harozila Ramli, Tajul Shuhaizam, Salwa Jamaldin, Mohamad NurHanif Hazman.2019. The Impact Of A Learning Module Based On Adobe Photoshop On The Teaching And Learning Of Batik Pattern. International Journal Of Innovation, Creativity And Change. Vol.6 Issue 2.

Ibrahim Abu Shah. (1991). Industri Kecil Dan Sederhana Sarawak. Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahas Dan Pustaka. Koleksi Manik Lun Bawang. Diperoleh pada 10Oktober 2019 daripada: <http://nicitoden.blogspot.com/2013/12/koleksi-manik-puak-lun-bawang.html>

Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Kementerian Pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar (2016) Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Lundayeh.

Mohamad Yusof Kasim. (2002). Sabah Dan Sarawak Dalam Arus Globalisasi. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Meechang Tuie. (1995). Etnik Lun Bawang Sarawak suatu pengenalan. Kuching: Desktop Publishing Sdn.Bhd.

Mohamad Nur Hanif Hazman, Harozila ramli dan Tajul Shuhaizam said (2020) Keindahan seni manik etnik Lun Bawang di Lawas, Sarawak. *Educatum- Jurnal of social science (EJOSS)*, Vol 6 No.1

Salmah Omar, Philip Lepun dan Ribka Alan (2016) Etnik dan Pembentukan landskap budaya Malaysia: Seni anyaman tikar orang Ulu Sarawak. *Gepgrafia Online Malaysian Journal of Society and Space* 12 issue 10 (21-28)

Sulaiman Othman (1989). Kraf: Pengenalan dan Pendekatan. *Sarawak Museum Journal*, LX (61)

Syelvian Olviana, Sugandi, Sabiruddin (2019). Makna Pesan Ukiran Arit Linawa Pada Masyarakat Daya Lundayeh Kalimantan Utara. *eJournal Ilmu Komunikasi*. 7 (2): 42-53

Woolley, G.C. (1929). Some Note on Murut Basket-Work and Patterns. *Journal of the Malayan Branch. Royal Asiatic Society*, 7(2): 291-315.

F. DAFTAR ISTILAH

1. Anyaman
2. Tikar
3. Basket yang paling besar
4. Basket sederhana besar
5. Basket kecil
6. Basket paling kecil
7. Tempat letak nasi bungkus
8. Penampin padi
9. Bag gelas lelaki daripada rotan
10. Alat untuk mengangkat padi
11. Beg gelas lelaki yang agak kecil untuk membawa kepala musuh pada zaman dahulu
12. Rotan
13. Pandan
14. Bamboo
15. bemban
16. Sejenis rumput yang halus terdapat di kolam atau tempat yang basah
17. Proses mengetuk/proses padi menggunakan lesung padi
18. Padi
19. Menampin padi
20. Muka
21. Harimau
22. Buaya
23. Menoleh

24. Perut
25. Betuk segi empat
26. Penyangkut
27. Tapak kaki
28. Anjing
29. Lurus
30. Besar
31. Kecil